

Disiplin, nilai tradisi adunan kejayaan Jepun

B.H 16/06/07 M/S 13

Oleh Azmi Md Deros
(Yang berkunjung ke Tokyo,
baru-baru ini)

INTI PATI

Sikap positif bangsa Jepun

- Rajin bekerja, sanggup datang awal ke pejabat dan pulang lewat
- Hidup berdisiplin tetapi tetap mengamalkan tradisi yang diwarisi sejak berzaman
- Utamakan kebersihan – Alam sekitar terpelihara dan tiada pembuangan sampah di sungai atau putung rokok di jalanan
- Sopan di jalan raya. Tidak mudah gelabah atau sindrom samseng di jalan raya
- Hormat tetamu dan sentiasa bersikap ramah

selang 2020 dengan acuannya sendiri.

Sikap itu jelas terbukti apabila pemandunya amat berhemah dan bertolak ansur dengan mengutamakan pejalan kaki. Mereka yang melintas jalan pasti akan berasa selamat kerana pemandu akan berhenti bagi memberi peluang kepada pejalan kaki melintas.

kukan sesuatu kerja.

Apabila bercakap mengenai kebersihan, Jepun memang sukar ditandingi. Sukar bagi kita menemui sampah, walaupun sekecil puntung rokok di atas jalan atau kaki lima kerana mereka sanggup membawa balik sampah, daripada membuangnya di merata tempat.

Sejak kecil rakyat Jepun sudah dididik dengan amalan sedemikian dan hasilnya kerajaan dapat menjimatkan belanja membersihkan dan melupuskan sampah. Malah, kerajaan juga tidak perlu menyediakan banyak tong sampah sehinggakan sukar untuk kita menemui tong berkenaan ketika berjalan.

Komitmen warga Jepun menjaga alam sekitar terbukti amat tinggi apabila mereka menggunakan sepenuhnya tong sampah mengikut kategori disediakan bagi memudahkan proses kitar semula yang disediakan di lokasi strategik.

Atas kesedaran yang tinggi itu juga sungai di negara mereka bersih, walaupun di kawasan bandar. Tiada keladak atau sisa minyak dari restoran dan bengkel menggenangi sungai.

Namun kehidupan di kota besar itu bukan semuanya indah kerana ramai rak-

yatnya tidak tahan kerana terpaksa menanggung kos begitu tinggi. Penulis yang makan di sebuah restoran biasa terpaksa membayar 2,800 Yen atau RM70 untuk sepinggan nasi goreng dan air sirap.

Seperkara yang tidak wajar dicontohi ialah lepas penat bekerja, masyarakat Jepun gemar menghabiskan masa untuk berhibur, terutama di pusat perjudian mesin slot yang dipanggil pachinko, tanpa mengira tua atau muda.

Ramai juga antara mereka yang kuat berjudi. Ia terbukti apabila penulis sempat melihat mereka sanggup berbaris panjang di sebuah kedai nombor ekor di Ginza untuk mencuba nasib.

Namun, perjalanan ke Jepun diakui banyak memberi pendedahan baru mengenai nilai murni yang sepatutnya ada dalam masyarakat kita. Nilai murni yang mereka amalkan itu selaras dengan tuntutan Islam yang kita anuti. Amat malu jika kita sebagai orang Islam jauh menyimpang daripada mereka.

Bagi mereka yang mempunyai wang lebih dan gemar melancong, pergilah ke Jepun kerana banyak perkara yang boleh kita pelajari. Bak kata pepatah, jauh perjalanan, luas pengalaman.

terletak kira-kira 500 kilometer dari ibu negara Jepun itu.

Bagi penulis, landasan Dasar Pandang ke Timur (Jepun dan Korea) yang dirintis 25 tahun lalu wajar diteruskan, malah diperluaskan lagi supaya lebih banyak sikap positif yang ada pada masyarakat berkenaan dicontohi.

Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, penulis tertarik dengan keramahan petugas di situ yang sentiasa tersenyum, membongkok tanda hormat dan mengalu-alukan pengunjung, tidak kira sama ada rakyat Jepun sendiri atau warga asing. Keadaan yang sama juga dilihat di Hotel Imperial di Tokyo, tempat penulis menginap.

Bagi mereka, semua orang perlu dilayan dengan baik tanpa membezakan orang tempatan atau asing. Di negara kita pula, berbeza iaitu petugas hotel atau di pintu masuk negara biasanya memberikan layanan lebih mesra kepada pelancong asing, berbanding orang tempatan.


Nilai tradisi orang Jepun yang amat bersopan santun dan menghormati antara satu sama lain wajar dicontohi supaya Malaysia dapat muncul sebagai negara maju men-

Pejalan kaki pula tidak akan melintas di merata tempat, sebaliknya menggunakan garisan berbelang yang dikhaskan. Pemandunya pula sedikit pun tidak membunyikan hon menandakan mereka menghormati pejalan kaki.

Seperkara yang menarik ialah sistem pengangkutan awam di kota raya yang mempunyai kira-kira 23 juta penduduk itu amat baik dan jaringannya meliputi semua kawasan. Pengguna boleh memilih sama ada menggunakan tren bawah tanah atau tren biasa, teksi, bas atau kereta api laju (Shinkansen) yang menghubungkan Tokyo dengan bandar besar lain.

Kerajaan negara itu mengenakan kadar tol dan bayaran tempat meletak kereta yang tinggi bagi mengurangkan kesesakan di pusat bandar dan ia berkesan kerana pengguna disediakan alternatif, iaitu sistem pengangkutan awam yang cekap.

Perjalanan keretapi yang menjadi pengangkutan utama sentiasa mengikut jadual dan ia akan tiba atau berlepas tepat pada waktunya. Keadaan itu menyebabkan penduduknya kelihatan berlari atau berjalan pantas menuju destinasi. Ia adalah faktor menyebabkan mereka cepat dalam mel-



TEKNOLOGI ANGKASA: Penulis bergambar kenangan di depan model sebuah roket di Agensi Eksplorasi Aeroangkasa Jepun (JAXA) di bandar raya sains Tsukuba, Tokyo.